

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/10/2011

Ramai mahu PPSMI diteruskan - Dr. Mahathir

PARIT 16 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya banyak pihak mahu dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) diteruskan kerana ia mampu meningkatkan prestasi murid termasuk di kawasan luar bandar.

Menurut beliau, kekurangan guru bahasa untuk ditempatkan di sekolah-sekolah terutamanya di luar bandar tidak seharusnya menjadi alasan kerajaan tidak meneruskan PPSMI.

"Saya berpendapat ramai orang yang mahukan PPSMI ini dikekalkan, tetapi saya tidak tahulah, tekanan yang datang ini mungkin daripada orang yang bukan belajar Sains dan Matematik, tetapi dalam bidang sastera.

"Kita bukan hendak belajar bahasa Inggeris melalui Sains dan Matematik. Kita hanya mahukan ilmu daripada kedua-dua bidang ini dan ia boleh didapati hanya melalui bahasa Inggeris," katanya.

Beliau yang juga Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-II UTP di Seri Iskandar di sini, hari ini.

Hadir sama Pro Canselor UTP,



DR. Mahathir Mohamad bertemu secara peribadi dengan empat graduan penerima Anugerah Canselor selepas Majlis Konvokesyen ke-II Universiti Teknologi Petronas (UTP), semalam. - BERNAMA

Datuk Shamsul Azhar Abbas dan Naib Canselornya, Datuk Dr. Zainal Abidin Kasim.

Dr. Mahathir yang memperkenalkan PPSMI sembilan tahun lalu pada era pentadbirannya berkata, beliau

masih percaya pelaksanaan dasar tersebut tidak akan menjejaskan pembelajaran murid di luar bandar.

"Saya tidak percaya orang kampung kononnya tidak boleh (menguasai) bahasa Inggeris, itu tidak benar. Sekarang ramai daripada mereka yang memegang jawatan tinggi bercakap (bahasa) orang putih pun macam 'orang putih' juga," katanya.

Terdahulu, sewaktu berucap pada majlis tersebut, beliau menegaskan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu terutamanya dalam penguasaan Sains dan Matematik yang sentiasa berkembang hampir setiap hari.

Sambil menegaskan ia bukan membelakangkan bahasa kebangsaan, beliau berkata, pemahaman bahasa Inggeris penting kerana setiap hasil kajian terkimi dalam kedua-dua bidang berkenaan ditulis dalam bahasa tersebut.

"Hasil kajian selidik datang bertalu setiap hari dan mustahil kita dapat menterjemahkannya dalam bahasa kita.

"Untuk menterjemahkannya pula, kita memerlukan tiga kepakaran iaitu fasih dalam bahasa ibunda, bahasa Inggeris dan pakar dalam bidang tersebut," tambah beliau.

Mengambil contoh bahasa Arab yang pernah menjadi bahasa ilmu pada abad ke-15, Dr. Mahathir menjelaskan, orang Eropah ketika itu ber-

lumba-lumba mempelajarinya kerana pelbagai ilmu ditulis dalam bahasa berkenaan dan disimpan di khutub khanah di Baghdad dan Cardoba.

Namun katanya, malang sekali, orang Arab sendiri memilih untuk tidak lagi mengejar ilmu sekali gus menyebabkan penguasaan orang Eropah yang menterjemahkan ilmu yang dipelajari ke dalam bahasa Latin dan bahasa lain.

Sementara itu, diminta mengulas mengenai tindakan Ketua Wanita Gerakan, Datuk Tan Lian Hoe secara terbuka meminta presiden parti itu, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon supaya tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata, Tsu Koon perlu mengambil kira pandangan daripada orang di sekelilingnya setelah diminta secara terbuka supaya tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, jika mana-mana parti komponen Barisan Nasional (BN) mahu melakukan 'pembersihan', ia patut dilakukan sekarang, bukannya sebelum pilihan raya umum.

"Setiap orang mesti sentiasa mendengar pandangan orang lain. Saya beri satu petunjuk, semasa saya menjadi Perdana Menteri, mereka mula bercakap bila orang tua ini hendak pergi," katanya.

UTM- 17/10/2011